



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 8/2023**

Prestasi ekonomi Malaysia menyederhana dengan pasaran buruh kekal stabil meskipun unjuran pertumbuhan global dunia lebih rendah

PUTRAJAYA, 30 Ogos 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 8/2023**. Edisi kali ini memfokuskan statistik terkini yang dikeluarkan pada Jun 2023 dan beberapa statistik akan datang bagi bulan Julai 2023. Terdapat juga sorotan berkaitan keadaan ekonomi Malaysia pada suku tahun kedua 2023. Tambahan pula, edisi ini turut dilengkapi dengan artikel bertajuk “Guna Tenaga dan Jantina: Mengkaji Purata pendapatan per Jam Bekerja dan Jurang Upah” yang menganalisis ketidaksamaan upah antara jantina; dan jurang upah antara jantina mengikut pencapaian pendidikan, kemahiran dan sektor di Malaysia.

Melihat kepada senario ekonomi global, merujuk kepada laporan Julai 2023 daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), terdapat pengurangan dalam unjuran kadar pertumbuhan purata tahunan daripada 3.5 peratus pada 2022 kepada 3.0 peratus bagi kedua-dua tahun 2023 dan 2024. Begitu juga, trend yang dijangka tersebut juga menunjukkan inflasi utama global mereda, dengan jangkaan lebih rendah daripada 8.7 peratus pada tahun 2022 kepada 6.8 peratus pada 2023, diikuti dengan kadar yang terus perlahan kepada 5.2 peratus pada 2024.

Mengulas mengenai senario sosioekonomi Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa "Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun kedua 2023 menyederhana kepada 2.9 peratus selepas mencatatkan peningkatan 5.6 peratus pada suku tahun sebelumnya, didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembinaan. Sementara itu, prestasi ekonomi bulanan meningkat sederhana sebanyak 0.7 peratus pada April, menokok kepada 5.6 peratus pada Mei, dan kemudian menyederhana 2.4 peratus pada Jun 2023. Peningkatan sementara dalam penggunaan domestik dan permintaan global telah memacu pertumbuhan kukuh pada Mei 2023."

Ketua Perangkawan mengulas lanjut mengenai indikator ekonomi terkini, “Imbangan Akaun Semasa Malaysia terus mengekalkan lebihan sebanyak RM9.1 bilion pada suku tahun kedua 2023, berbanding RM2.9 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Lebihan ini disokong oleh eksport bersih barang. Pelaburan Langsung Asing (FDI) merekodkan aliran masuk bersih yang lebih rendah RM3.1 bilion berbanding RM18.0 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih RM8.0 bilion pada ST2 2023 berbanding RM14.4 bilion (ST2 2022). Sebaliknya, jumlah perdagangan barang Malaysia menyusut 11.3 peratus tahun ke tahun kepada RM643.2 bilion pada suku tahun kedua 2023. Eksport merosot 11.1 peratus kepada RM348.7 bilion, manakala import menurun 11.5 peratus kepada RM294.5 bilion. Lebihan dagangan menyusut 8.8 peratus kepada RM54.1 bilion. Pada Julai 2023, perdagangan luar terus menyusut dengan jumlah dagangan sebanyak RM216.4 bilion, berbanding RM252.8 bilion pada Julai tahun lalu. Nilai eksport merekodkan RM116.8 bilion, manakala import berjumlah RM99.7 bilion dengan lebihan dagangan RM17.1 bilion.”

Beliau juga berkata “Nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan kemerosotan 4.0 peratus kepada RM147.4 bilion tahun ke tahun pada Jun 2023. Pada suku kedua 2023, nilai jualan sektor Pembuatan mengalami penurunan pertama sejak suku kedua 2020 (-16.5%), dengan pertumbuhan negatif 1.0 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Seajar dengan itu, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia jatuh 2.2 peratus tahun ke tahun pada Jun 2023, disumbangkan oleh kemerosotan dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan dengan masing-masing menurun 1.6 peratus (Mei 2023: 5.1%) dan 6.4 peratus (Mei 2023: 2.9%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP meningkat sebanyak 2.2 peratus berbanding 7.3 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.”

Mengulas mengenai situasi tenaga buruh semasa, beliau berkata, “Tenaga buruh Malaysia meningkat 2.4 peratus tahun ke tahun pada suku kedua 2023, berjumlah 16.73 juta orang. Ini menyebabkan peningkatan 0.8 mata peratus dalam kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), mencapai 70.0 peratus. Bilangan penduduk bekerja terus meningkat walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 2.8 peratus kepada 16.15 juta orang pada suku tersebut, dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk mencapai 67.5 peratus. Pada masa yang sama, bilangan penganggur berkurangan sebanyak 9.5 peratus kepada 581.4 ribu orang dengan kadar pengangguran mencatatkan 3.5 peratus.”

Dari perspektif harga, inflasi Malaysia pada Jun terus menyederhana kepada 2.4 peratus, merupakan paras terendah yang dicatatkan dalam tempoh enam bulan pertama 2023. Namun begitu, inflasi meningkat 2.8 peratus pada suku kedua 2023. Inflasi Malaysia pada

Julai 2023 terus mereda kepada 2.0 peratus dengan mata indeks direkodkan pada 130.5 berbanding 127.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia terus menurun 4.8 peratus pada Jun 2023 berbanding penurunan 4.6 peratus pada bulan sebelumnya dengan kebanyakan indeks sektor menunjukkan trend penyusutan. Pada suku tahun kedua 2023, IHPR bagi Pengeluaran Tempatan menyusut 4.1 peratus dipengaruhi terutamanya oleh sektor Pertanian, perhutanan & perikanan (-24.6%). Pada Julai 2023, IHPR Malaysia merosot 2.3 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin merumuskan, "Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang perlahan dengan prospek ekonomi jangka pendek Malaysia yang menyederhana. Langkah dasar ekonomi yang bersasar dijangka dapat mengimbangi cabaran sedia ada dalam ekonomi dan meningkatkan keyakinan pengguna dan menambahbaik perniagaan tempatan. Prospek ekonomi tersebut adalah selari dengan Indeks Pelopor (IP) yang menyusut 2.1 peratus pada Jun 2023 dengan mencatatkan 109.8 mata berbanding 112.1 mata pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, perubahan bulanan IP menurun 0.5 peratus pada bulan rujukan berbanding 1.7 peratus pada Mei 2023."

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan binci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "*Connecting the World with Data We Can Trust*".

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 OGOS 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 8/2023**

Malaysia's economic performance eased with labour market remained stable amid the decreased projection of the world global growth

PUTRAJAYA, 30th August 2023 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 8/2023**. This edition focuses on the recent statistics released in June 2023 and some forthcoming statistics for July 2023. There are also highlights on Malaysia's economic situation in the second quarter of 2023. Furthermore, this edition is complemented with a box article entitled "Employment and Gender: Examining the Average Hourly Earnings and Wage Gap" that analyses the gender-based wage inequalities; and gender wage gap based on education attainment, skills and sector in Malaysia.

Looking at the global economic scenario, based on the July 2023 report from the International Monetary Fund (IMF), there is a projected reduction in the annual average growth rate from 3.5 per cent in 2022 to 3.0 per cent for both 2023 and 2024. Likewise, the anticipated trend indicates a decline in global headline inflation, which is expected to soften from 8.7 percent in 2022 to 6.8 percent in 2023, followed by a further slowdown to 5.2 per cent in 2024.

Commenting on Malaysia's socioeconomic scenario, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that, "Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) in the second quarter of 2023 moderated to 2.9 per cent after registering an increase of 5.6 per cent growth in the prior quarter driven mainly by the Services and Construction sectors. Accordingly, the monthly economic performance increased modestly at 0.7 per cent in April, went up to 5.6 per cent in May, and then eased at 2.4 per cent in June 2023. Temporary increases in domestic consumption and global demand propelled May 2023's robust growth."

The Chief Statistician further commented on the recent economic indicators, "Malaysia's Current Account Balance maintained a surplus of RM9.1 billion in the second quarter of 2023, as against RM2.9 billion in the corresponding period of the prior year. This surplus was underpinned by the net exports of goods. The Foreign Direct Investment (FDI) recorded a lower net inflow of RM3.1 billion as compared to RM18.0 billion for the same quarter the preceding year. While, Direct Investment Abroad (DIA) registered a net outflow of RM8.0 billion in Q2 2023 as compared to RM14.4 billion (Q2 2022). On the other hand, Malaysia's total merchandise trade decreased 11.3 per cent year-on-year to RM643.2 billion in the second quarter of 2023. Exports fell by 11.1 per cent to RM348.7 billion, while imports decreased by 11.5 per cent to RM294.5 billion. The trade surplus went down by 8.8 per cent to RM54.1 billion. In July 2023, the external trade continued its decline trend with a total trade at RM216.4 billion, as compared to RM 252.8 billion in July last year. The value of exports recorded at RM116.8 billion, while imports was RM99.7 billion with a trade surplus at RM17.1 billion."

He also said that, "The Manufacturing sector posted a decline in its sales value by 4.0 per cent to RM147.4 billion year-on-year in June 2023. During the second quarter of 2023, the Manufacturing sector experienced its first decline since the second quarter of 2020 (-16.5%), with a negative growth of 1.0 per cent as compared to the same quarter in the previous year. Correspondingly, Malaysia's Industrial Production Index (IPI) fell 2.2 per cent year-on-year in June 2023, attributed to a contraction in the Manufacturing and Mining sectors, which declined 1.6 per cent (May 2023: 5.1%) and 6.4 per cent (May 2023: 2.9%), respectively. On a month-on-month comparison, the IPI grew by 2.2 per cent as compared to 7.3 per cent registered in the previous month."

Commenting on the current labour force situation, he said, "Malaysia's labour force rose 2.4 per cent year-on-year during the second quarter of 2023, totaling 16.73 million persons. This resulted in an increase of 0.8 percentage points in the labour force participation rate (LFPR), reaching 70.0 per cent. The number of employed persons continued to increase albeit at a slower rate of 2.8 per cent to 16.15 million persons during the quarter, with employment-to-population ratio reached 67.5 per cent. Concurrently, the number of unemployed persons reduced by 9.5 per cent to 581.4 thousand persons, registering unemployment rate of 3.5 per cent."

From the prices perspective, Malaysia's inflation continued to ease in June to 2.4 per cent, the lowest level recorded in the first six months of 2023. Meanwhile, the inflation increased by 2.8 per cent in the second quarter of 2023. Malaysia's inflation in

July 2023 eased further to 2.0 per cent with the index points recorded at 130.5 as against 127.9 in the same month of the previous year. Meanwhile, Malaysia's Producer Price Index (PPI) decreased further by 4.8 per cent in June 2023 compared to 4.6 per cent decline in the previous month with most of the sectors' indices showed downward trends. In the second quarter of 2023, PPI for Local Production declined by 4.1 per cent primarily driven by the Agriculture, forestry & fishing (-24.6%). In July 2023, Malaysia's PPI declined 2.3 per cent.

In concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's economy is foreseen to grow moderately with easing of Malaysia's short-term economic outlook. Targeted economic policy measures are anticipated to counter balance the existing challenges in the economy, increase the confidence of consumers and improve local businesses. The economic prospect is in line with the Leading Index (LI) which declined 2.1 per cent in June 2023 by recording 109.8 points as compared to 112.1 points in the previous year. Concomitantly, the monthly change of LI decreased 0.5 per cent in the reference month as compared to 1.7 per cent in May 2023."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
30th AUGUST 2023**